



KENYATAAN UMUM

KEMUDAHAN AKTIVITI PERLESENAN DAN

PENGUATKUASAAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA

ATOM SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN

PERGERAKAN BERSYARAT

Berdasarkan perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 10 Mei 2020 berhubung pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 9 Jun 2020, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) terus komited untuk memberikan beberapa kemudahan berkaitan aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan untuk memfasilitasikan pihak industri dan pemegang lesen sepanjang tempoh PKPB ini.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- a) Membenarkan penggunaan meter tinjau (*survey meter*) yang telah tamat tempoh sah tentukuran dalam tempoh PKPB untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPB. Kebenaran ini turut dilanjutkan untuk tempoh maksimum 45 hari daripada tarikh penamatan PKPB bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan meter tinjau yang sah tentukuran; dan

- b) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan dalam tempoh PKPB untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPB. Kebenaran ini turut dilanjutkan untuk tempoh maksimum 45 hari daripada tarikh penamatan B bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang sah senggaraan; dan
- c) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah sijil ujian kebocoran dalam tempoh PKPB untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPB. Kebenaran ini turut dilanjutkan untuk tempoh maksimum 45 hari daripada tarikh penamatan PKPB bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang mempunyai sijil ujian kebocoran yang sah; dan
- d) Membenarkan penggunaan alat pemantauan kakitangan dan alat pemantauan tempat kerja yang dipasang pada peralatan sinaran, yang digunakan bagi bulan Mac , April dan Mei 2020 untuk terus digunakan sehingga Jun 2020; dan
- e) Mempertimbangkan pengiktirafan semula untuk tempoh satu (1) tahun pegawai perlindungan sinaran (PPS)/ penyelia (PY)/ pengendali perunding (PP)/ pengendali perunding bebas (PPB) yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan dalam tempoh PKPB ini walaupun mata CEP tidak mencukupi; dan

- f) Mempertimbangkan dalam tempoh PKPB ini, pengiktirafan semula untuk tempoh satu (1) tahun bagi PPS/ PY yang berkhidmat di kawasan kawalan yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan, yang pada masa yang sama pemeriksaan perubatannya juga telah melebihi tiga (3) tahun. Apabila tempoh PKPB tamat, PPS/PY tersebut hendaklah melakukan pemeriksaan perubatan dengan segera.

LPTA berharap agar kemudahan yang disediakan ini dapat meringankan beban dan membantu pihak industri dan pemegang lesen dalam operasi harian yang berkaitan aktiviti tenaga atom sepanjang tempoh PKPB dikuatkuasakan. Sila ambil perhatian bahawa pemegang lesen adalah kekal tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) serta peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya sepanjang masa.

LPTA turut menyeru dan mengingatkan agar semua pihak bersama-sama memainkan peranan dalam membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
Dikemaskini 11 Mei 2020 @ 5.00 petang